

# Sasar lahirkan 1,000 usahawan agro muda

Oleh MUZDALIFAH MUSTAPHA

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

■ PUTRAJAYA 23 MEI

KEMENTERIAN Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan melahirkan seramai 1,000 usahawan agro muda pada tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, kementerian melalui Tabung Ekonomi Kumpulan Usahawan Niaga (TEKUN) dan Agrobank bersedia memberi pinjaman daripada RM100,000 hingga maksimum RM300,000 kepada usahawan muda yang berminalat.

Menurutnya, bagi mencapai sasaran tersebut kementerian secara agresif akan menjalankan siri jelajah bagi memperkenalkan projek usahawan agro muda di setiap negeri dan daerah bermula minggu hadapan di Kedah diikuti negeri-negeri lain.

"Bagi usahawan yang baharu memulakan perniagaan, TEKUN menyediakan pinjaman sebanyak RM100,000 manakala Agrobank RM50,000. Tetapi bagi yang telah mempunyai perniagaan mereka boleh meminjam sehingga RM300,000.

"Pada tahun lalu kita memperuntukkan sejumlah RM21.4 juta pinjaman untuk 384 usahawan agro muda. Tahun ini kita mahu melepas 1,000 usahawan dan jumlah itu mesti meningkat dari tahun ke tahun," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas mengadakan lawatan ke gerai Usahawan Agro Muda sempena Festival Belia Putrajaya 2015 di Dataran Gemilang Putrajaya hari ini.

Ismail Sabri berkata, kementerian sentiasa memberi galakan kepada semua usahawan agro muda supaya berusaha mengekalkan jumlah pendapatan sekurang-kurangnya RM5,000 sebulan.

Jelasnya, bagi membantu usahawan-usahawan mendapatkan pendapatan yang lumayan mereka digalakkan menjalin kerjasama dengan majlis belia dan biro pertanian.

Menurutnya, sepanjang tahun lalu pihak kementerian telah menerima sebanyak 4,148 permohonan



ISMAIL SABRI YAAKOB memberi minum seekor kambing sambil disaksikan Timbalan Menteri Belia dan Sukan, Datuk M. Saravanan (kiri) sewaktu melawat pameran sempena Karnival Belia Putrajaya 2015, semalam. — MINGGUAN/ MOHD SHAHARANI SAIBI

untuk mendaftar dengan projek tersebut tetapi tidak semua permohonan diluluskan.

"Masalah yang banyak menghalang orang muda untuk memulakan perniagaan adalah kegagalan pada peringkat menyediakan dokumen, terutama tidak mahir membuat kertas kerja.

"Namun, bagi mengatasi masalah itu kementerian menerusi siri jelajah akan memberi pendedahan berhubung penyediaan kertas kerja yang standard," katanya.



Pada tahun lalu kita memperuntukkan sejumlah RM21.4 juta pinjaman untuk 384 usahawan agro muda."

**ISMAIL SABRI YAAKOB**  
Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani